

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HMT 507 – Isu-Isu Semasa dalam Bahasa Melayu
(Current Issues in Malay)

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT [4]** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Berikan satu definisi '**subjek**' , seterusnya cirikan sifat-sifatnya; kemudian dengan bantuan data yang diberi di bawah dalam bahasa Melayu terangkan mengapa kedudukan N' subjek (frasa nama subjek) dalam bahasa Melayu dapat dianggap sebagai masih menjadi satu isu?

- [a] [i] *Bahawa kambing saya bersenam setiap pagi memang nyata.
[ii] Sudah nyata bahawa kambing saya bersenam setiap pagi.

- [b] ?Bahawa para nelayan agak miskin sudah jelas.
- [c] *Aminkah pernah tinggal di Penang?
- [d] *Aminkah yang pernah tinggal di Penang?
- [e] Sudah ada seekor merpati di situ.
- [f] Sudah sering hujan di sini.
- [g] Ternyata kerengga menyintai semut.
- [h] Kerengga teryata menyintai semut.
- [i] Kelihatan wanita itu hamil.
- [j] Wanita itu kelihatan hamil.
- [k] Agaknya perutnya sakit.
- [l] Perutnya sakit agaknya.

[30 markah]

2. [a] Terangkan apakah yang kamu fahami sebagai ayat pasif? Seterusnya dengan memberikan alasan yang kukuh, berikan ayat-ayat yang anda anggap sebagai berbentuk pasif dalam bahasa Melayu.

- [b] Berikan derivasi ayat-ayat yang anda anggap pasif dalam soalan [a].

[20 markah]

3. Dalam Nik Safiah et al. (1989) **Tata bahasa Dewan I**, dinyatakan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat empat pola ayat-ayat. Apakah pendapat anda tentang pendapat lain yang mengatakan bahawa hanya ada satu pola ayat dalam bahasa Melayu, iaitu N' - I' (frasan nama - frasa predikat)?

[20 markah]

4. Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja daripada [a], [b], [c] dan [d]:

- [a] Kata kerja **ada** dapat berfungsi dalam berbagai-bagai ayat. Mengapa ia dianggap sebagai isu sintaksis dan morfologi?

- [b] Bilangan **kelas kata** bahasa Melayu berbeza-beza mengikut ahli bahasa yang berbeza sehingga kewujudan 'adverba' pun masih dipertikaikan. Dalam bahasa Melayu apakah antara isu-isu yang utama dalam pengkelasaran kata bahasa Melayu?

- [c] Apakah pendapat anda tentang morfem **-kan** dan **-i** sebagai penanda kausatif dalam bahasa Melayu terutamanya apabila berhadapan dengan bentuk-bentuk seperti **memperolehi/memperoleh, mempengurusi (i)/mempengursikan, mempertinggi/mempertinggi, mengandung/mengandungi?**
- [d] Apakah ada ‘perubahan kosong’ dalam proses morfologi bahasa Melayu?

[30 markah]